


AL-BASIRAH

Journal Homepage: <https://ejournal.um.edu.my/index.php/ALBASIRAH>



Metode Dakwah Abdullah Bin Alawi Al-Haddad dalam Kitab Al-Da'wah Al-Tammah wa Al-Tadzkirah Al-'Ammah dan Kesanya di Jawa Timur, Indonesia

Imam Sadili*, Ashraf M. Zedan**

*Study Program of Islamic Communication, Faculty Ushululuddin And Da'wah, State Islamic Institute of Madura (IAIN Madura), East Java, Indonesia.

**Department of Da'wah and Human Development, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

E-mail: syadili88@gmail.com

ABSTRACT

Abdullah bin Alawi Al-Haddad (1044 H.) is reference figure in Hadramaut, Yemen. His contribution to Islamic da'wah, especially in Indonesia is very large, that is proven by many of *habaib* (descendants of the prophet) who have come to Indonesia from Hadramaut, Yemen for da'wah purpose. According to several studies, they are offspring of Abdullah bin Alawi Al-Haddad who lived in Indonesia and becomes permanent residents. Some studies also explain that their da'wah well received by the Indonesian people, therefore this research is important. The research talk about Abdullah's bin Alawi da'wah methods in his book which is entitled "al-Dakwah At-tammah wa Tadzkirah Ammah" and its impact in East Java. The research results found that Abdullan bin Alawi emphasizes in his book on sosial status condition of da'wa object in line with concept hikmah, mauidzah hasanah da'wah methods in surah Al-Nahl verse 125. Furthemore, researcher found an effect Abdullah's bin alawi da'wa method in his book by a lot of Islamic students at Islamic boarding schools in East Java who studied it and it become reference Islamic's boarding schools alumni to start da'wah activities in the community.

Keyword: Da'wah Method, Abdullah bin Alawi Al-Haddad, Ad-Dakwah At-Tammah book.

ABSTRAK

Abdullah bin Alawi Al-Haddad (1044 H) merupakan tokoh dakwah yang menjadi rujukan di Hadramaut, Yaman. Sumbangan beliau kepada

dakwah Islam khususnya di Indonesia adalah amat besar, terbukti dengan ramainya pendakwah dari kalangan *habaib* (keturunan Rasulullah) yang berasal dari Hadramaut. Menurut beberapa kajian, mereka adalah berketurunan Abdullah bin Alawi Al-haddad. Mereka menetap di Nusantara dan menjadi penduduk tempatan dengan satu tujuan iaitu berdakwah ke jalan Allah SWT. Berdasarkan kepada kejayaan dakwah mereka, maka penulis menganggap ia suatu yang penting untuk dikaji. Kajian ini membincangkan mengenai salah satu kitab yang menjadi rujukan pendakwah hadramaut, iaitu kitab *al-Dakwah al-Tāmmah* karya Abdullah bin Alawi al-Haddad bagi mengetahui metode-metode dakwahnya dan kesannya di wilayah Jawa Timur Indonesia. Metode yang digunakan adalah kualitatif, dengan bersumber daripada data perpustakaan dan perbualan dengan beberapa tokoh di wilayah Jawa Timur. Hasil utama kajian mendapati Abdullah bin Alawi al-Haddad memberi penekanan dalam kitabnya kepada keadaan sasaran dakwah mengikut kedudukan sosial mereka. Hal ini kerana ia selaras dengan konsep hikmah, mawizah dan dialog yang baik sebagaimana dalam surah al-Nahl ayat 125. Selain itu, kesan kepada dakwah di Jawa Timur pula di dapati bahawa kitab tersebut menjadi bahan bacaan utama kepada pelajar pondok pesantren dan menjadi rujukan bagi pelajar lepasan pesantren untuk memulakan dakwah dalam masyarakat.

Kata Kunci: Metode Dakwah, Abdullah bin Alawi Al-Haddad, Kitab Ad-Dakwah At-Tāmmah.

PENDAHULUAN

Cerita mengenai dakwah ulama Hadramaut, termasuklah Habib Abdullah bin Alawi Al-Haddad, bermula dari kisah hijrah Imam Ahmad bin Isa Al-Muhajir¹ (273 H) dari Basrah, Iraq². Pada masanya berlaku fitnah yang disebabkan oleh gerakan daulah Qaramitah yang menganut fahaman Syiah Ismailiyah. Kerajaan Qaramitah terkenal dengan kezalimannya, yang membunuh sesiapa saja yang tidak sealiran dengannya. Oleh kerana keluarga Ahmad bin Isa al-Muhajir merasa tidak aman dengan tekanan kezaliman, pembunuhan dan rompak yang berlaku di kota Basrah, maka beliau bersama 70 orang keluarganya memutuskan untuk berhijrah.

Dari Basrah beliau menuju ke Madinah. Selama beliau di Madinah, pasukan Qaramitah memasuki Kota Mekah dengan membuat kerosakan di sana dan mengambil Hajar Aswad dari tempatnya, sehingga ketika Ahmad bin Isa al-Muhajir menunaikan ibadah haji, beliau hanya beristilam dan mengusap tempat Hajar Aswad yang telah dirampas pasukan Qaramitah³. Selepas itu Ahmad bin Isa bersama rombongan menuju Hadramaut dan menetap disana.

¹ Imam Ahmad bin Isa Al-Muhajir merupakan keturunan Rasulullah dari Jakfar As-shadik, rangkaian nasabnya ialah, Ahmad bin Isa bin Muhammad bin Ali al-Uraidi bin Jakfar as-Sodhik.

² Sila rujuk *kitabAsyraf Hadramaut wa Dauruhum fi Nasyril Islam bi Junub Syarqi Asia* karya (Darul Mutanabbi, Abudabi, t.t), 12.

³ Moh Diya' Syihab, Abdullah bin Nuh, *Al-Imam Al-Muhajir ma Lahu Walinaslihi wa Lil Aimmah min Aslafih*, (Qaherah , Daru Al-Syuruq , 1980), 117.

Bermula dari hijrah tersebut, berkembanglah keturunan Ahmad bin Isa Al-Muhajir di Hadramaut sehingga menjadi kabilah terbesar di sana. Kebanyakan di kalangan mereka menjadi tokoh-tokoh ulama dan pendakwah terkemuka. Menurut Saleh bin Ahmad Al-Hadrami, kiraan jumlah mereka pada tahun 1366 H (sekitar 70 tahun lalu) tidak kurang dari 70.000 jiwa terdiri atas sekitar 200 marga, dan salah satu marga tersebut adalah Al-Haddad⁴.

Keturunan Ahmad bin Isa al-Muhajir tersebar ke seluruh pelosok dunia dengan membawa risalah dakwah. Mereka dipanggil Asyraf atau Habaib yang bermaksud keturunan Rasulullah SAW. Antara keturunan Ahmad bin Isa yang sangat berpengaruh adalah Abdullah bin Alawi al-Haddad. Beliau menjadi rujukan ulama dan pendakwah Hadramaut sampai sekarang dan salah satu kitab yang beliau tulis dalam bidang dakwah ialah "Al-Da'wah al-Tammah wa al-Tadzkirah al-'Ammah" yang menjadi kajian kertas kerja ini.

Kajian metode dakwah Hadramaut menjadi penting bila melihat kepada kejayaan pendakwah asal Hadramaut di Nusantara. Walisongo (Sembilan wali) yang diisytiharkan pelopor dakwah Islam di tanah Indonesia berasal dari Hadramaut keturunan dari Imam Ahmad bin Isa al-Muhajir, mereka membawa tarekat Alawiyah ke tanah air sebagaimana yang diajarkan oleh moyangnya.

Maka dapat disimpulkan bahawa pendakwah dari kalangan Habaib Hadramaut telah dicatat dalam sejarah sebagai sebahagian dari pengasas dakwah pertama di Indonesia, termasuk di dalamnya Wali Songo⁵ yang seterusnya melahirkan pengasas dua NGO Islam terbesar Indonesia; KH.Hasyim As'ari (pengasas NU) dan KH. Ahmad Dahlan (Pengasas Muhammadiyah)⁶. Oleh Kerananya, tidak berlebihan bila dikata bahawa NU yang merupakan NGO Islam dengan pengikut terbanyak di Indonesia terbentuk oleh tarekat Alawiyah yang dibawa pendakwah Hadramaut, mengingat KH. Hasyim Asy'ari juga memiliki Nasab kepada Habaib Alawiyin Hadramaut dan pula pernah berguru kepada tokoh tarekat Aliwiyin, seperti Sayid Husain Al-Habsyi (mufti Hijaz), Sayid Ahmad bin Hasan Al-Attas⁷ dan Sayid Abas al-Maliki.

Dari sekilas sejarah di atas, maka kajian metode dakwah salah satu tokoh besar Alawiyin Hadramaut iaitu Habib Abdullah bin Alawi al-Haddad menjadi penting. Hal ini kerana tarekat Alawiyah juga disebut dengan Tarekat Haddadiyah.

BIOGRAFI ABDULLAH BIN ALAWI AL-HADDAD

Abdullah bin Alawi al-Haddad dilahirkan di Kota Tarim, Hadramaut, pada malam isnin, 5 Safar, 1044 H. bersamaan dengan 30 Julai 1634 M. Beliau hidup dalam keluarga yang kuat pegangan agama, mencintai ilmu dan kuat dalam ibadah. Nama bapanya Sayyid Alawi bin Muhammad al-Haddad, manakala ibunya bernama Salma.

Gelaran al-Haddad merupakan gelaran turun-temurun yang disandarkan kepada moyang beliau yang merupakan seorang wali Allah, Ahmad bin Abu Bakar bin Ahmad Masrafah bin Muhammad, kerana beliau sering ke tempat besi yang dalam bahasa arab disebut *Al-Haddad*. Dalam riwayat lain, beliau digelar "hadādul qulūb" yang bermaksud "

⁴ Alwi Syihab, *Akar Tasawuf di Indonesia* (Depok, Pustaka Iman, 2009), 216.

⁵Namun menurut satu versi sejarah, Wali songo berasal dari keturunan Azmat Khan, Salah satu keturunan Alawiyin yang menetap di India, yang setelah beberapa generasi melahirkan Jamaludin Husein Akbar. Jamaludin Husain Akbar inilah yang hijrah ke Indonesia dan selepas beberapa generasi melahirkan Wali Songo. Lihat, Muhammad Al-Baqir, *Pengantar Thariqah Menuju Kebahagiaan* (Bandung, Mizan, 1998), 45.

⁶Alwi Syihab, *Akar Tasawuf di Indonesia* (Depok, Pustaka Iman, 2009), 229.

Tukang perbaiki hati keras”, kerana ketika beliau bedakwah boleh melembutkan hati orang yang keras macam besi⁸.

Nama dan nasab beliau adalah Abdullah bin Alawi bin Muhammad bin Ahmad bin Abdullah bin Muhammad bin Alawi bin Ahmad al haddad bin Abu Bakar bin Ahmad bin Muhammad bin Abdullah bin Ahmad bin Abdurrahman bin Alawi bin Muhammad Sohib Marbath bin Ali Khali’ Qassam bin Alawi bin Muhammad bin Alawi bin Ubaidillah bin Ahmad Al-Muhajir bin Isa bin Muhammad al-Naqīb bin Ali Zainal ‘Abidīn bin Imam Husein bin Ali bin Abi Thalib serta bin Fatimah al-Zahra’ al-batul binti Muhammad Rasulullah S.A.W⁹.

Kehidupan keluarga beliau amat mendukung kepada perkembangan keilmuannya. Beliau sejak kecil di didik oleh kedua orang tuanya yang alim. Pada umur empat tahun beliau mengidap penyakit cacar sehingga kedua matanya tidak bisa melihat. Tetapi hal itu tidak membuatnya putus asa untuk berusaha mencari ilmu. Kemudian beliau menghafal Quran sampai selesai. Diceritakan bahawa selepas menghafal Quran, beliau solat sunnah di salah satu Masjid di Tarim, seratus sampai dua ratus rakaat, hal itu dilakukan untuk bersyukur kepada Allah¹⁰.

Guru pertama Habib Abdullah adalah bapanya, kemudian ia dihantar ke halaqah ilmu dan pondok untuk menghafaz al-Quran, syair, hikmah-hikmah dan kitab-kitab matan. Pada usianya lima belas tahun, ayah beliau menyuruhnya mendalami ilmu fekah, dan pada masa itu ulama yang terkenal dalam bidang fekah adalah Syeikh Bajabir, lalu beliau belajar kepadanya.

Habib Abdullah belajar dengan guru yang ramai, bila dikira semuanya lebih dari seratus empat puluh guru¹¹. Di antara guru-guru beliau yang terkenal adalah Allamah Abdullah bin Ahmad Ba al-Faqih, Abdurrahman bin Syeikh Aidid, Sayyid Abdurrahman al-Atas, dan di antaranya adalah guru dengan korespondensi (surat menyurat) iaitu Sayid Muhammad bin Alawi Assaqaf dari Mekah¹².

Diantara guru Habib Abdullah ada yang menjadi murid beliau setelah lama. seperti Syeikh Bajabir, ahli fikih pada zamanya, yang mula-mula menjadi guru fikih Habib Abdullah setelah lama berguru kepadanya dan membaca Ihya Ulumudin karya Imam Ghazali, beliau tidak merasa malu untuk belajar kepada muridnya yang telah alim itu.

Sejak umur 17 tahun, Habib Abdullah suka menyendiri (*uzlah*) di masjid Hujairoh, di dalamnya terdapat tempat uzlahnya. Bila dia masuk ke tempat itu, tidak akan keluar walaupun ada yang mengetuk pintu. Selepas beberapa lama, orang ramai mulai datang kepada beliau kerana ingin belajar. Beliau berkata “ mulanya saya tidak ada keinginan untuk mengajar, tapi seorang laki dari keluarga Bafadl datang kepadaku berkata; saya ingin barokah daripada kamu dengan membaca kitab *‘awāriful ma’ārif*¹³, kemudian selepas itu datanglah ramai murid yang belajar kepada saya.”

⁸ Tim Amanah Hawi Al-Khairat, *Haul Al-Imam Al-Habib Abdullah bin Alawi Al-Haddad* (Kuala Lumpur, t.p, 2014), 1.

Buku tpis dibahagikan pada sampena Haul Imam Abdullah bin Alawi Al-Haddad di Masjid Negeri Syah Alam 6 September 2014.

⁹ Amin Zira’ah, Muhammad bin Umar, *Nūrul ‘Ain wa Al-Fuād fi Manāqibi Al-Imam Al-Haddād*, Manuskrip Universiti mulk Abdul Aziz, Riyad, 1941.

¹⁰ Mostafa Hasan Al-Nadwi, *Tarjamatu Al-Imam Al-Haddad Mujaddid Qorn Al-tsani ‘Asyar* (t.t, Darul Hawi, t.t), 70.

¹¹ Sayid Alawi bin hasan Al-Haddad, Busyro Al-Fuad fi Tarjamati Abdullah bin Alawi Al-Haddad, dalam program Microsoft word, h.13. Pengarang adalah cucu daripada imam al-haddad, dan kitab tersebut dibaca dalam haul Imam Al-Haddad, sila layari; www.ghrib.net/vb/showthread.php/t=30318

¹²Ibid, h.31.

¹³Kitab *Awariful Maarif* karya Imam Sahrowardi.

Di antara muridnya adalah anak-anaknya sendiri, Ahmad bin Zain al-Habsyi, Muhammad bin Zain bin Smith, dan saudaranya Umar dan Sayid Umar bin Abdurrahman al-Bar dan Allamah Abdurrahman bin Abdullah Balfaqih dan lainnya banyak dari kalangan Asyraf dan Ulama Hadramaut

Pada 7 Zulkaedah 1132 Hijrah¹⁴ bersamaan 10 September 1720 M beliau menghembuskan nafasnya yang terakhir di rumahnya di Hawi, Tarim, Hadramaut. Beliau wafat pada umur 88 tahun. Imam Abdullah sakit selama 40 hari, dan pada masa itu beliau tetap mengajar dan istiqamah dengan ibadahnya. Beliau berhenti dari aktivitinya ketika beliau tidak boleh lagi keluar disebabkan sakitnya semakin parah. Dia juga tidak mengizinkan orang masuk ke kamarnya kecuali orang yang dekat dengannya sahaja. Bila orang ingin menyalaminya, beliau berkata *bil qulub* (salaman dengan hati sahaja). Jenazah Imam Abdulllah kemudian di kuburkan di Perkuburan Zambal, Tarim.

Adapun karangan Habib Abdullah bin Alawi al-Haddad ialah: *al-Dakwah at-Tāmmah wa at-Tadzkirah al-‘Ammah, Adbul Sulūki al-Murīd, al-Fusūl Ilmiyah wa al-Ushūl al-Hikmiyah, Ithāfu as-Sāil Bijawābi al-Masāil, Annsfāis Al-‘Alawiyah fi Masāil As-sūfiyah, Risālatu al-mudzākarah ma’a al-Ikhwān al-Muhibbīn min Ahlil Khoiri wa addīn, Risālatu Al-Mu’awanah wa al-Mudzākarah wa Al-Mu’azarah li Arrāghibīna min al-Mukminīn fi Sulūki Tariqi al-āakhirah, Sabīlu al-Iddikār wa al-I’tibar bimā Yamurru minal Insan wa Yanqodhī Lahū min al-A’mār, an-Nasāih al-dīniyah wa al-Wasayā al-īmāniyah*, kitab *Hikam*, dan wirid-wirid beliau lainnya.

SEKILAS TENTANG KITAB “AL-DA‘WAH AL-TAMMAH WA AL-TADZKIRAH AL-‘AMMAH”

Meskipun kebanyakan karya Habib Abdullah pada umumnya berkaitan dakwah, tapi kitab Al-Da‘wah al-Tammah wa al-Tadzkirah al-‘Ammah membahas dakwah secara khusus. Ini berdasarkan kepada tajuk yang beliau tulis mengenai dakwah secara eksplisit. Habib Abdullah menyebut sebab beliau menulis kitab tersebut dalam pendahuluan “tujuan saya menulis kitab tersebut untuk nasihat, wasiat, dan mendidik diri sendiri dan kawan-kawan seagama daripada orang-orang mukmin dan muslim¹⁵”.

Karya-karya Imam Abdullah telah tersebar di seluruh pelosok dunia dan telah diterjemah ke dalam beberapa bahasa, antaranya dalam bahasa Melayu, Inggeris, Perancis, Urdu dan Turki¹⁶. Kitab terjemahan ke dalam bahasa Indonesia bertajuk “Dakwah Cara Nabi” mempunyai dua jilid yang dicetak oleh percetakan cahaya ilmu, Bandung. manakala di Cairo, Mufti Mesir Syeikh Husainin Makhluaf mengambil berat kepada kitab tersebut dengan mencetaknya di sana serta menulis pendahuluan pada cetakan itu.

Kitab ini mengandungi lapan bab, selain muqaddimah dan penutup. Dalam muqaddimah penulis menjelaskan beberapa hal penting berkaitan dengan dakwah. beliau membahagikan *mad’u* kepada lapan bahagian, iaitu: *pertama*; adalah ulama dalam agama, *kedua*; orang yang zuhud dan ahli ibadah, *ketiga*; raja-raja, sultan dan yang berurusan dengan pentadbiran negara. *Keempat*; para peniaga dan bisnismen, *kelima*; orang-orang fakir miskin dan orang-orang yang lemah, *keenam*; para pengikut, seperti perempuan, anak-anak dan pembantu, *ketujuh*; orang taat dan juga bermaksiat (mencampur amal), *kelapan*; orang yang tidak menerima dakwah Allah dan Rasulnya daripada orang-orang kafir.

¹⁴ Muhammad bin Ahmad Asy-Syatiri, *Adwār Tārikh Hadramaut* (Terim, Daru Al-muhajir, t.t) H. 320.

¹⁵ Abdullah bin Alawi Al-Haddad, *Ad-dakwah at-tāmmah wa at-Tadzkirah al-‘Ammah* (Surabaya, toko al-Hidayah, t.t), 3.

¹⁶ Mostafa Hasan Badawi, op.cit. Hal: 163.

Yang menarik, penulis menyelesaikan kitab dengan dua penutup, pertama; *khotimatul kitab* yang berisi peringatan dan motivasi-motivasi untuk jiwa-jiwa yang lalai. Penutup terakhir dinamakan dengan *Khotimatul khotimah* yang memuat hadith-hadith yang menjadi penutup kitab hadith yang enam¹⁷ untuk mendapat barokah dari hadis Rasulullah dalam kitab-kitab tersebut¹⁸.

METODE DAKWAH HABIB ABDULLAH DALAM KITAB AL-DAKWAH AL-TAMMAH DAN PRAKTISNYA DI ZAMAN SEMASA

Dari segi bahasa *manhaj* (metode) bererti jalan atau cara. Dalam istilah ia adalah cara atau rancangan untuk menjayakan kerja-kerja dakwah¹⁹. Ianya penting dalam dakwah untuk mendapatkan hasil dakwah yang dimatlamatkan. Metode dakwah Abdullah bin Alawi al-Haddad dalam kitab *al-Dakwah al-Tāmmah* mengikut metode al-Quran, surat al-Nahl ayat 125 sebagai berikut:

Hikmah

Perbincangan mengenai hikmah dalam kitab tersebut mengandungi beberapa perkara:

Memahami Sasaran Dakwah (Mad'u)

Metode ini telah diajarkan oleh al-Quran dan al-Sunnah, dan ianya dijelaskan dalam kitab al-Dakwah al-Tammah wa al-Tadzkirah Ammah. Susunan kitab yang mengikut kedudukan sosial terbahagi menjadi lapan sasaran dakwah dalam sebenar penulis mengikut arahan al-Quran dan Sunah.

Bila pendakwah faham kepada keadaan sasaran dakwah maka mudah untuk mengajak mereka dari arah yang mereka sukai, sehingga metode dakwah yang rancang akan tepat dan mencapai kejayaan. Sebagai contoh dalam surah makkiyah banyak mengandungi *indzār* (menakuti ke atas akibat buruk dari perbuatan) dan pemberitahuan tentang orang kafir, syirik dan orang yang selalu membuat kerosakan di muka bumi. Maka surah-surahnya pun pendek, banyak pengulangan, penuh dengan sumpah dan cerita. Tentu hal itu kerana untuk menyesuaikan dengan kondisi sasaran dakwah yang didominasi oleh kalangan kafir yang ingkar.

Beza dengan surah madani yang ditujukan kepada penduduk Madinah yang terdiri daripada orang Islam dan Yahudi. Maka ayat-ayatnya berupa ajaran (syariat) kepada orang Islam dan petunjuk kebaikan kepada Yahudi yang kala itu merupakan penduduk minoriti. Sebagai penguatan kepada metode dakwah Quran ini (memahami kondisi sasaran dakwah) Baginda Nabi bersabda: wahai manusia, adakah kalian suka Allah dan Rasulnya didustakan? Berbicaralah dengan orang mengikut apa yang mereka tahu, dan tinggalkanlah apa yang mereka ingkari (tidak ketahui)²⁰. (HR. Bukhari)

Habib Abdullah dalam kitabnya mengikut metode tersebut, dengan membahagi sasaran dakwah kepada beberapa kelompok mengikut kedudukan sosial mereka. Mula-mula beliau mendefinisikan sasaran dakwah dan terkadang menjelaskan keadaan psikologinya.

¹⁷Shahih Bukhori, Shahih Muslim, Sunan Nasa'I, Sunan Abu Daud, Sunan at-Tirmidzi, Sunan Ibnu Majah.

¹⁸ Abdullah bin Alawi Al-Haddad, Op.cit. Hal; 66.

¹⁹ Muhammad al-Bayanuni, *al-Madkhol Ila Ilmi al-Dakwah* (Beirut, Muassatu al-Risalah, 1991), 11-19.

²⁰ Sila rujuk kitab Fathul Bari Syarah kepada Sohik Bukhori, dalam kitab al-ilmu, bab *man khosso qauman dūna qoumin karāhiyyata an la yafhamu* (Bab orang yang mengkhususkan suatu kamu (dalam berbual), tanpa kaum lainya karena takut ianya tidak faham)

Sebagai contoh pada bahagian pertama dari mad'u iaitu tentang ulama dalam agama dan menasihati mereka kepada kebaikan. kemudian beliau mendefinisikan ulama, bahwa mereka pada zaman dulu disebut dengan *Qurrā'*, mereka adalah pengetua dalam bidang agama. Mereka dicontohkan seperti garam dalam makanan, yang dengan garam tersebut makan boleh sedap atau tidak. Begitu pula manusia boleh baik bila ulama baik²¹.

Selepas memberi pengertian mengenai ulama, penulis memulakan dengan uslub *tahdzīr*, dengan mendatangkan dalil dari hadith dan atsar tentang ancaman kepada ulama buruk. Beliau juga menjelaskan fahaman ilmu yang boleh membawa ulama kepada neraka dan ke syurga. Bahawa ilmu merupakan alat yang bila digunakan oleh orang baik maka dia akan membawa kebaikan, dan bila dipakai oleh orang buruk dia akan mendatangkan mudarat²².

Memahami keadaan mad'u dalam zaman semasa boleh diterapkan oleh pendakwah dalam beberapa hal. *Pertama*, bahawa pendakwah harus memiliki ilmu dan wawasan yang luas dan terbuka kepada semua kalangan masyarakat. Hal ini supaya dia boleh faham terhadap keadaan sasaran dakwah yang berbeza-beza. *Kedua*, penting bagi pendakwah berkenalan dengan mad'u dari segala sisi kehidupan mereka, sebelum memulakan kerja dakwah.

Ketiga, pendakwah perlu membezakan kebencian terhadap dosa dan kasih sayang kemanusiaan (humanisme), sebab banyak dari kalangan pendakwah yang jauh daripada mereka yang berlumur dosa, gangster, pemabuk dan lainnya kerana benci kepada seluruh aspek kehidupan mereka. Dalam keadaan ini, memahami sasaran dakwah akan susah, kecuali melalui pintu humanisme, iaitu mereka berhak mendapat rahmat, hidayah dan syurga sama seperti manusia yang lain. Hal ini kerana orang yang baik saat ini tidak ada jaminan masuk ke syurga. Wajib faham, bahawa mendapat syurga bukan kerana perbuatan baik, tetapi kerana rahmat Allah SWT. Allah Berfirman, "*Dan saya tidak mengutus kamu (Muhammad) kecuali menjadi rahmat kepada sekalian alam*".

Maw'izah Hasanah

Ianya adalah jenis kedua dari dasar metode dakwah yang Allah sebut dalam surah An-Nahl ayat 125. Maw'izah bererti nasihat dan memperingati ke atas akibat²³. Sedangkan maw'izah hasanah adalah perkataan yang boleh melembutkan hati orang²⁴.

Maw'izah hasanah dalam kitab Al-Dakwah al-Tammah dijelaskan dalam dua cara; *tarhib tarhib* dan Kisah-kisah.

Tarhib dan Tarhib

Tarhib adalah segala sesuatu yang mendorong sasaran dakwah untuk menerima kebenaran dan menetapinya (mengerjakanya)²⁵. Sedangkan tarhib adalah segala sesuatu yang menakuti mad'u bila tidak menerima dakwah Islam dan tidak menetapinya (mengamalkannya)²⁶.

²¹ Al-Dakwah Al-Tammah, op.cit. hal:12

²² Ibid, hal: 13.

²³ Muhammad bin Abi Bakr Abdul Qadir, *Mukhtāru as-Shohhāh* (Kairo, Al-Akhirah, 1902 M), 729.

²⁴ Ahmad Nafi' Sulaiman al-Mauru'i, *Hikmah wa Mauidzah Hasanah wa Atsaruha fi al-Dakwah Ilallah fi Dau' I Kitāb wa As-sunnah*, Tesis Fakultas Syariah dan Dirasat Islamiyah ulya, Universiti Ummu al-Qura, Mekah, 1406, Hal. 86.

²⁵ Abdul Karim Zaidan, *Ushūl al-Dakwah* (Beirut, Muassasatu al-Risalah, 1414 H.), Hal. 437.

²⁶ Ibid, Hal. 437.

Ianya penting dalam dakwah Islam dan amat berkesan dalam memberi jalan hidayah manusia kepada jalan lurus, dan menjauhkan mereka dari kebatilan dan keburukan²⁷. Sebab jiwa manusia terkadang tidak menerima dakwah bila tidak diberi tahu ganjaran daripada amal baiknya. Dan sebahagian jiwa pula tidak ingin menerima dakwah kecuali dengan ditakuti bahaya daripada pekerjaan buruknya.

Model *targhib* dan *Tarhib* dalam kitab Al-Dakwah al-Tammah adalah sebagai berikut;

- a. Di dalam bab dua, dakwah kepada orang yang zuhud dan ahli ibadah yang hanya menggunakan waktunya untuk beribadah kepada Allah, Habib Abdullah sebelum menggunakan cara *targhib* dan *tarhib* menjelaskan kepada mereka dasar-dasar yang diperlukan untuk menjadi orang zuhud dan ahli ibadah agar tidak terdesak²⁸.

Bentuk *targhib* nampak pada perkataan beliau, “mereka adalah pilihan Allah daripada hamba-hambanya dan tempat pandangan rahmatNya. Mereka juga tambang-tambang rahsia Allah. Merekalah wali-wali Allah, dan daripada mereka hakikat ikhlas, Jujur, tawakkal dan zuhud boleh diambil (dipelajari)”. Manakala bentuk *tarhib* nampak dalam *Atsar* yang berbunyi “barang siapa menyembah Allah tanpa Ilmu, maka bahayanya lebih besar daripada manfaatnya²⁹”.

- b. Dalam bab tiga, tentang golongan raja, perdana menteri dan sultan yang bertugas mentadbir urusan rakyat. Habib Abdullah memberi *tarhib* bahwa tugas mereka amat berat, kerana bila mereka menjalankan amanat dengan betul-betul, pastilah amat susah dan berat. Dan apabila mereka mensia-siakan amanat dan tanggungjawab, maka mereka akan binasa. Rasul bersabda “ tidak ada daripada wali (yang mentadbir urusan umat) kecuali di hari kiamat datang dalam keadaan tangan terbelenggu ke lehernya. Boleh melepaskannya keadilannya, atau membinasakannya kezalimannya”.

Habib Abdullah berkata, “akan tetapi bila wali bersifat adil, baik dan menjadi tauladan kepada rakyatnya maka dia disisi Allah akan mendapat kedudukan yang tinggi, sebagaimana dikatakan oleh Rasulullah bahwa diantara tujuh golongan yang mendapat naungan Allah di hari kiamat nanti adalah imam yang adil. Rasulullah pula bersabda: *tiga orang yang doanya tidak ditolak, doa orang puasa sampai berbuka, doa imam yang adil, dan doa orang yang di zalimi*”³⁰.

Kisah

Al-Quran dan al-Sunnah memuat banyak kisah-kisah, dan ianya menjadi cara dakwah dalam metode *Maw'izah Hasanah*. Kerana sasaran dakwah bila diberi ceramah dengan teori-teori ilmu terus menerus dari awal sampai akhir akan merasa bosan. Dengan kisah, pendakwah boleh mengarahkan pendengar dan memasukkan pesan moral, tauladan baik dan pemikiran yang betul tanpa terasa³¹.

Petikan-petikan kisah dalam kitab Al-Dakwah Al-Tammah, antaranya adalah:

- a. Pada bab tiga tentang pemerintah, raja dan sultan, penulis menuliskan kisah Umar bin Khatab yang ketika itu menjadi *amīrul mu'minīn* (ketua orang beriman) tidak pernah tidur kecuali ketika sangat mengantuk, beliau berkata sambil duduk; bila saya tidur waktu siang maka saya akan mensia-siakan urusan orang Islam, dan bila saya tidur malam maka urusanku akan terbengkalai, bagaimana saya boleh tidur antara dua masa itu?”

²⁷ Ahmad Nafi' Sulaiman al-Mauru'i, Op.Cit., Hal. 249.

²⁸ Al-Dakwah Al-Tammah, op.cit. Hal. 20.

²⁹ Ibid. Hal: 20.

³⁰ Ibid. Hal:

³¹ Op.cit., Ahmad Nafi' Sulaiman al-Mauru'i, Hal. 286.

- b. Pada bab tiga pula, Abdullah bin Alawi Al-Haddad bercerita tentang Umar bin Abdul Aziz, bahawa di rumahnya selalu terdengar suara tangisan, orang-orang pun bertanya apa yang berlaku? Maka dikatakan bahawa Umar bin Abdul Aziz memberi pilihan kepada isterinya antara berpisah dengannya atau tidak akan berkumpul (jimak) dengan Abdul Aziz. Beliau berkata “ saya mengabaikan kalian kerana sibuk dengan urusan orang Islam”, bahkan dikatakan bahawa beliau tidak pernah mandi besar semasa beliau menjadi khalifah kecuali dua kali, dan masa pemerintahannya sekitar dua tahun setengah³².

Sastera dalam dakwah sangat penting, dan kisah adalah termasuk daripada sastera. Kemampuan menyusun ayat untuk menggambarkan cerita dengan Indah berpengaruh kepada keberkesanan dakwah. Lebih-lebih lagi bila berdakwah kepada orang awam yang cepat bosan menerima teori-teori ilmu. Oleh kerananya, memiliki hafalan bermacam-macam kisah diperlukan bagi pendakwah.

Novel Islami yang berisi pesan-pesan moral Islam juga di tunggu dari para pendakwah. Sebab minat masyarakat untuk membaca novel sangat kuat, sehingga pendakwah yang ahli di bidang sastera, terutama penulis cerita panjang (novel) sangat ditunggu. Bila pendakwah tidak mewarnai dunia sastera dengan novel-novel Islami maka dikhawatirkan novel-novel yang tidak berfaedah akan semakin kuat mempengaruhi masyarakat.

Indonesia sejak dahulu sudah mengenal sasterawan-sasterawan muslim, semisal Sunan Bonang, Raja Ali Haji, Hamka, Chairil Anwar, Amir Hamzah, KH. Mustafa Bisri (mantan ketua umum BPNU), dan lainya³³.

Kepentingan lain daripada kisah di zaman semasa adalah membentuk pribadi budak kecil dengan cerita. Bila kita lihat, dunia kanak-kanak penuh dengan fantasi atau khayalan, maka menggunakan cerita untuk kepentingan membentuk pribadi kanak-kanak dengan cerita orang-orang soleh boleh membentuk pendakwah-pendakwah kecil. Sebab cerita adalah salah satu metode belajar tanpa dirasa atau yang di istilahkan dengan Quantum Learning. Kanak-kanak seronok mendengarkan cerita, tapi dalam sebenarnya dia belajar banyak benda dari cerita itu.

Dialog dengan cara yang baik

Ini adalah asas metode dakwah terakhir yang dijelaskan Al-Quran surat Al-Nahl 125, Firman Allah, “*dan berdialoglah dengan mereka dengan cara yang baik*”. Ianya penting dalam dakwah, dan selalunya digunakan bila berhadapan dengan orang di luar agama Islam. Iaitu mereka yang memerlukan bukti-bukti logik untuk meyakinkan kebenaran Islam.

Dalam al-Quran Allah SWT memberi tahapan metode dakwah, iaitu dengan hikmah, nasihat yang baik, kemudian bila keduanya tidak berkesan maka langkah terakhir iaitu dengan dialog yang baik, agar pendakwah boleh membuktikan kebenarannya dan kesalahan sasaran dakwahnya³⁴. Tujuan daripada dialog, sebagaimana yang dituliskan Abu Zahrah, adalah untuk meyakinkan lawan dan memenangkan pembuktian kebenaran³⁵. Pertentangan dalam dialog pastilah ada, sebab dia tidak akan berlaku kecuali ada pertentangan antara kedua belah pihak, sebab ia berlaku untuk mempertahankan hujahnya di depan lawan³⁶.

³²op.cit., Al-Dakwah Al-Tāmmah, hal. 28.

³³Nama-Nama ini terkenal dalam dunia sastra Indonesia, bila ingin mengetahui lebih lanjut sila rujuk Wikipedia.org.

³⁴Imamul Haromain, *Al-kifāyah fī Al-jadal* (Mesir, percetakan Isa al-Halabi, 1979), Hal. 34.

³⁵Abu Zuhroh, *Tarīkhu al-Jadal* (Beirut, Daru al-Fikri al-‘Arabi, 1934 M) Hal. 5.

³⁶Abi Al-baqā’ Ayyub bin Musa Al-husaini, *Al-Kulliyāt* (Damaskus, wazaratu at-tsaqofah wa al-irsyad al-qoumi, t,t), Vol. 2, Hal. 176.

Pada bab terakhir, tentang golongan ke enam daripada manusia adalah orang musyrik, Abdullah al-Haddad menggunakan metode dialog al-Quran, dengan mendatangkan ayat yang menunjukkan keesaan Allah. Mereka yang menyekutukan Allah tidak mempunyai dalil, Allah berfirman “*barang siapa yang menyembah tuhan lain disamping Allah, padahal tiada suatu dalil pun tentang itu* (Al-Mu’minun: 117). mereka yang mengingkari kewujudan Allah tidak memiliki alasan. Dalam ayat lain dikatakan, bahawa mereka seperti binatang bahkan lebih sesat daripada binatang. Kerana binatang, tumbuh tumbuhan, batu dan semua yang ada di alam semesta (kecuali orang kafir) mengakui keberadaan Allah dan mentauhidkanNya, seandainya mereka boleh bicara maka akan bersyahadat kepada Allah dan Rasulnya³⁷.

Namun Kitab Al-dakwah al-Tammah tidak banyak memuat dalil logik yang berasaskan kepada teori-teori ilmu mantiq atau filsafat dalam berdakwah kepada orang yang ingkar kepada kewujudan Allah. Menurut pengarang, orang yang memiliki akal tidak akan menolak konsep iman dan tauhid kepada Allah. Ini amat jelas dan dilengkapi dengan hujjah yang tidak boleh dibantah sama ada daripada logika atau al-quran dan al-Sunnah. Maka orang yang mengakui ada tuhan selain Allah tidak akan memiliki hujjah, bila mereka berusaha untuk mendatangkan hujjah, akan semakin nampak kesalahan mereka³⁸.

Pada zaman semasa, pendakwah dapat mengambil faedah daripada metode dakwah dialog dengan cara yang baik di beberapa sisi:

Pertama, penting bagi pendakwah memabaca ilmu-ilmu logika, iaitu mantiq dan falsafah. Ilmu logika selalu digunakan untuk dua jenis mad’u iaitu orang Islam yang terpengaruh dengan pemikiran sesat, seperti liberalisme, pluralisme dan lainnya. Juga digunakan kepada orang-orang diluar Islam yang berlandaskan kepada teori-teori filsafat dalam keyakinan mereka.

Kedua, mendalami ilmu perbandingan agama. Ilmu ini dalam sebenar dimula oleh ulama islam. Ilmu ini penting bagi pendakwah untuk mengetahui kepercayaan agama-agama lain. Sebab pendakwah susah untuk berdakwah kepada penganut agama lain kecuali bila mengetahui ajaran agamanya.

Ketiga, mengadakan dialog bersama penganut agama-agama lain. Usaha ini, seperti yang kita ketahui, telah berjaya dilakukan oleh Ahmad Dedat dan Dr. Zakir Naik. Dan orang ramai telah menyaksikan kejayaan keduanya dalam mengajak orang luar Islam untuk masuk Islam. Dan pendakwah yang mengikuti jejak beliau amat diperlukan pada masa kini.

KESAN DAKWAHNYA DI JAWA TIMUR, INDONESIA

Sebagaimana dijelaskan di atas, pengaruh ulama Hadramaut di Indonesia sangat besar, bahkan bermula dari masa pertama Islam datang di Indonesia. Hubungan Indonesia-Hadramaut terus hangat sampai sekarang yang terwujud dalam penghantaran pelajar, ziarah ulama untuk belajar cara dakwah dan kunjungan ulama Hadramaut ke Indonesia yang tidak pernah sepi setiap tahun.

Pada hari bulan 2 maret lepas, Tarim mengadakan silaturrahim antara ulama Islam di tarim, Hadramaut. Ada 32 ulama terkemuka Asia –diantaranya Indonesia-, yang hadir masa itu dan Habib Umar bin Hafidz yang menjadi nara sumber pada acara itu membacakan 4 kitab, diantaranya adalah kitab al-Dakwah al-Tammah, karya Habib Abdullah bin Alawi al-Haddad³⁹.

Wali songo (Sembilan wali) sebagai tokoh terkenal dalam penyebaran agama Islam di Indonesia semuanya bertempat di Jawa. Dan 5 wali diantaranya berada di Jawa Timur, iaitu:

³⁷ Op.cit., *Al-Dakwah Al-Tāmmah*, op.cit., Hal. 25.

³⁸ Ibid, Hal. 57.

³⁹ Layari, www.rabitah-alawiyah.org/id/topik/foto/

Sunan Ampel, Giri, Bonang, Drajat, dan Maulana Malik Ibrahim. Maka dapat diambil kesimpulan bahawa keturunan Arab-Hadramaut di Jawa Timur banyak, mengingat wali songo berasal dari Hadramaut.

Dapat ditarik pemahaman pula pasal pengaruh Habib Abdullah bin Alawi al-Haddad di Jawa Timur telah lama, iaitu sejak kedatangan pendakwah Hadramaut ke Indonesia, khususnya Jawa Timur. Sebab pengaruh Abdullah bin Alawi al-Haddad di negara asal mereka (Hadramaut) amat kuat, sehingga dapat dipastikan mereka yang hijrah ke Indonesia telah membaca karya-karya Habib Abdullah bin Alawi al-Haddad.

Diperkuat pula dengan adanya pondok pesantren di wilayah Jawa Timur yang diasas oleh Habaib keturunan Hadramaut, disamping juga terdapat beberapa perkampungan Arab di beberapa wilayah di Jawa Timur⁴⁰. Pondok pesantren besar yang berpengaruh di Jawa Timur pula mempunyai hubung kait dengan Hadramaut⁴¹, dalam bidang dakwah dan sistem pendidikan. Tentunya para pelajar di pondok-pondok pesantren tersebut telah dikenalkan dengan Habib Abdullah al-Haddad dan karya-karyanya, termasuk juga kitab *al-Dakwah al-Tāmmah*.

Habib Umar bin Hafidz⁴² pada kunjungannya ke Pulau Jawa (yang selalunya setiap tahun) membawa kitab *al-Dakwah al-Tammah*, dan dibahagikan kepada pengetua pondok pesantren untuk dibacakan kepada murid-muridnya.

Habib Umar bin Hafidz merupakan pendakwah terkenal Hadramaut yang selalu mengenalkan kitab *al-Dakwah al-Tāmmah*, dan kitab-kitab Habib Abdullah al-Haddad lainnya. Beliau berkata “kitab-kitab Imam Abdullah bin Alawi al-Haddad sangat cepat kesannya kepada hati⁴³”.

Pada tahun 2005, Habib Umar mengunjungi pondok pesantren Assadad Tanjung Abillaits di Sumenep Jawa Timur. Kunjungan ini merupakan kunjungan pertamanya di pondok pesantren tersebut. Sebelum balik, beliau menyerahkan 70 buah kitab *al-Dakwah al-Tāmmah* karya Imam Abdullah bin Alawi al-Haddad kepada pengetua pondok, Kh. Taifur Aliwafa⁴⁴, untuk dipelajari di pondok tersebut.

Pengajian tersebut diikuti sekitar 400 pelajar, yang diadakan selepas solat magrib sampai selepas solat Isya. Yang berkesan dari kitab *al-Dakwah al-Tāmmah* bagi para santri adalah kerana pelajar di pondok pesantren Assadad jarang diperkenalkan kepada tajuk-tajuk dakwah. Dengan kitab ini, para pelajar boleh mengenal cara-cara berdakwah dan jenis-jenis sasaran dakwah di masyarakat⁴⁵.

⁴⁰ Hampir di setiap Wilayah Jawa Timur ada keturunan arab, di kampung penulis sendiri, Sumenep Jawa Timur, ada kampung yang dinamakan “kampung Arab”, yang tinggal adalah orang arab keturunan Hadramaut.

⁴¹ Bila kita lihat, seperti pondok pesantren Sidogiri yang terkenal di Jawa itu ternyata didirikan oleh Oleh seorang Sayid dari Cirebon yang berketurunan Arab bernama Sayid Sulaiman. Ayahnya yang bernama Sayid Abdurrahman adalah seorang perantau dari Negeri para wali, Tarim Hadramaut Yaman. Sila rujuk website resminya (sidogiri.net/sejarah/), dan pondok pesantren lainnya, seperti Lirboyo, Darwa, dan pondok-pondok kecil lain amat banyak.

⁴² Sila Rujuk Biografi beliau di Web resminya www.alHabibomar.com/

⁴³ Penulis mengikuti ceramah beliau di masjid An-nur Subang Jaya, Selangor, Malaysia.

⁴⁴ Beliau adalah guru penulis, kelapasan dari halaqah ilmiah Makkah Al-Mukarramah dan telah menulis sekitar 70 buku dalam bahasa arab dalam segala jenis disiplin ilmu. Kitab terbaru dari beliau adalah kitab tafsir dengan judul “*firdausun’na’im fi Tau’hi ayati al-Qur’anil Karim*” dalam 6 jilid.

⁴⁵ Pengenalan kepada dakwah islamiah merupakan kesan besar daripada kitab *ad-dakwah at-tammah* di dunia pesantren Jawa Timur. Sebab pelajar selalunya hanya mempelajari ilmu bahasa arab, fiqah, hadist, sejarah islam. Dan belajar ilmu dakwah sangat jarang. Maka kitab *ad-dakwah attammah*, karya imam Abdullah al-Haddad telah menyumbang banyak untuk mengenalkan dakwah di dunia pesantren, khususnya Jawa Timur.

KESIMPULAN

Bila kita lihat huraian di atas, ajaran-ajaran Habib Abdullah bin Alawi al-Haddad telah diperkenalkan mulai sejak dahulu oleh ulama Hadramaut yang berhijrah ke Indonesia, khususnya di wilayah Jawa Timur. Metode-metode dakwah yang diajarkan dalam kitab al-Dakwah al-Tammah ini menjadi ciri khas para pendakwah Hadramaut dari dahulu hingga sekarang. Mereka berdakwah dengan penuh hikmah, memahami keadaan sasaran dakwah dan berinteraksi langsung dengan *mad'u* dengan penuh kasih sayang, sehingga dakwah mereka mendapat respon positif daripada masyarakat tempatan.

Kitab al-Dakwah al-Tammah banyak menyumbang kepada pengetahuan para pelajar pondok pesantren di wilayah Jawa Timur tentang dunia dakwah, di mana pelajaran tentang dakwah sebagai suatu disiplin ilmu tidak banyak diajarkan pada mereka. Sehingga dengan membaca kitab al-Dakwah al-Tammah pelajar pondok pesantren di Jawa Timur merasa lebih bertanggungjawab untuk menjalankan dakwah kepada masyarakat bila selesai belajar.

RUJUKAN

- Moh. Hasan Idrus, *Asyrāf Hadrāmaut wa Dauruhum fi Nasyril Islām bi Junūb Syarqi Asiā*. Abudabi: Darul Mutanabbi, Abudabi, t.t.
- Moh Diya' Syihab, Abdullah bin Nuh, *Al-Imam Al-Muhājir mā Lahū Walinaslihī wa lil Aimmah min Aslāfihī*. Qaherah: Daru As-Syuruq , 1980
- Alwi Syihab, *Akar Tasawuf di Indonesia*. Depok: Pustaka Iman, 2009.
- Muhammad Al-Baqir, *Pengantar Thariqah Menuju Kebahagiaan*. Bandung: Mizan, 1998.
- Tim Amanah Hawi Al-Khairat, *Haul Al-Imam Al-Habib Abdullah bin Alawi Al-Haddad*. Kuala Lumpur: t.p, 2014.
- Muhammad bin Umar Amin Zira'ah, *Nūrul 'Ain wa Al-Fuād fi Manāqibi Al-Imam Al-Haddād*, Manuskrip Universiti mulk Abdul Aziz, Riyad, 1941.
- Mostafa Hasan Al-Nadwi, *Tarjamatu Al-Imam Al-Haddad Mujaddid Qorn Al-tsāni 'Asyar* (t.t, Darul Hawi, t.t),
- Sayid Alawi bin Hasan Al-Haddad, *Busyrā Al-Fuād fi Tarjamati Abdullah bin Alawī Al-Haddād*, Microsoft word.
- Muhammad bin Ahmad Asy-Syatiri, *Adwār Tārikh Hadramaut* . Tarim: Daru Al-muhajir, t.t.
- Abdullah bin Alawi Al-Haddad, *Ad-dakwah at-tāmmah wa at-Tadzkirah al-'Ammah*. Surabaya: toko al-Hidayah, t.t.
- Muhammad al-Bayanuni, *al-Madkhol Ilā Ilmi al-Dakwah*. Beirut: Muassatu al-Risalah, 1991.
- Muhammad bin Abi Bakr Abdul Qadir, *Mukhtāru as-Shohhāh*. Kairo: Al-Akhirah, 1902 M.
- Ahmad Nafi' Sulaiman al-Mauru'i, *Hikmah wā Mauidzah Hasanah wa Atsaruhā fi al-Dakwah Ilallāh fi Dau'i Kitāb wa As-sunnah*, Tesis Fakultas Syariah dan Dirasat Islamiyah ulya, Universiti Ummu al-Qura, Mekah, 1406.
- Abdul Karim Zaidan, *Ushūl al-Dakwah*. Beirut: Muassasatu al-Risalah, 1414 H.
- Imamul Haromain, *Al-kifāyah fi Al-jadal*. Mesir: percetakan Isa al-Halabi, 1979.

Abu Zuhroh, *Tarīkhu al-Jadal*. Beirut, Daru al-Fikri al-‘Arabi, 1934 .

Abi Al-baqa’ Ayyub bin Musa Al-husaini, *Al-Kulliyāt*. Damaskus: Wazaratu at-Tsaqofah wa al-Irsyad al-Qoumi, t,t, Vol. 2.

www.rabitah-alawiyah.org/id/topik/foto/

www.alHabibomar.com/

ww.wikipedia.org